

BAB 6 PROSEDUR PENJELASAN

6.01 Pengemukaan Kontrak Pasaran untuk pendaftaran

- (1) Butiran setiap Kontrak Pasaran mesti dikemukakan oleh Pembeli dan Penjual dalam Kontrak Pasaran itu, atau oleh Bursa bagi pihak Pembeli dan Penjual, mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan, untuk didaftarkan oleh Pusat Penjelasan.
- (2) Pusat Penjelasan berhak untuk bergantung pada butiran Kontrak Pasaran yang dikemukakan mengikut Kaedah 6.01(1) sebagai betul dan tidak terikat untuk mengenal pasti apa-apa kesilapan atau peninggalan sebenar atau yang dikatakan, berhubung dengan butiran tersebut.

6.02 Kesilapan semasa perekodan

- (1) Walaupun terdapat Kaedah 6.01(2), jika selepas diberitahu oleh Bursa bagi pihak Pembeli dan Penjual dalam Kontrak Pasaran, Pusat Penjelasan yakin bawah butiran Kontrak Pasaran yang salah atau tidak lengkap telah dikemukakan oleh Bursa atau Bursa gagal mengemukakan butiran Kontrak Pasaran, maka Pusat Penjelasan boleh, mengikut budi bicara mutlaknyanya, mengenakan apa-apa syarat, termasuk meminta pembayaran Margin, dan boleh:
 - (a) dalam hal butiran Kontrak Pasaran yang salah atau tidak lengkap dikemukakan kepada Pusat Penjelasan dan didaftarkan, mengambil semua tindakan yang perlu untuk membetulkan pendaftaran itu;
 - (b) dalam hal semua butiran Kontrak Pasaran tidak dikemukakan kepada Pusat Penjelasan, mengambil semua tindakan yang perlu untuk mendaftarkan Kontrak Pasaran.
- (2) Jika Pusat Penjelasan menggunakan budi bicaranya di bawah Kaedah 6.02(1)(a), maka Kontrak Pasaran dianggap telah didaftarkan dan menunjukkan apa-apa pindaan atau pembetulan tersebut dan Kaedah-kaedah ini terpakai sewajarnya.

6.03 Pendaftaran

- (1) Pusat Penjelasan boleh, tanpa dikehendaki memberikan sebab, sebelum tamat hari yang Kontrak Pasaran diterima untuk pendaftaran:
 - (a) pada bila-bila masa menolak untuk mendaftarkan apa-apa Kontrak Pasaran atau mengenakan syarat, termasuk pembayaran Margin selepas pendaftaran apa-apa Kontrak Pasaran; atau
 - (b) menolak Kontrak Pasaran daripada dijelaskan melalui Pusat Penjelasan jika Pusat Penjelasan berpendapat bahawa penolakan itu adalah perlu untuk melindungi integriti Pusat Penjelasan.
- (2) Apa-apa penolakan Kontrak Pasaran tersebut di bawah Kaedah 6.03(1)(b) akan menyebabkan penguatkuasaan semula Kontrak Pasaran antara Pembeli dengan Penjual, dan Pusat Penjelasan tidak akan mempunyai obligasi atau liabiliti berkenaan dengan atau berkaitan dengan Kontrak Pasaran tersebut atau penolakan Kontrak Pasaran tersebut.
- (3) Pusat Penjelasan akan memberitahu Bursa yang berkaitan, tentang apa-apa keputusan yang diambil oleh Pusat Penjelasan di bawah Kaedah 6.03(1) dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang perlu berhubung dengan Kontrak Pasaran tersebut selepas berunding dengan Bursa.
- (4) Sebaik sahaja Kontrak Pasaran diterima untuk pendaftaran oleh Pusat Penjelasan:

- (a) Kontrak Terbuka diwujudkan antara Pusat Penjelasan dengan Pembeli dalam Kontrak Pasaran berdasarkan syarat yang sama dengan syarat Kontrak Pasaran dan Pusat Penjelasan akan menjadi Penjual dalam Kontrak Terbuka tersebut;
 - (b) Kontrak Terbuka diwujudkan antara Pusat Penjelasan dengan Penjual dalam Kontrak Pasaran berdasarkan syarat yang sama dengan syarat Kontrak Pasaran dan Pusat Penjelasan akan menjadi Pembeli dalam Kontrak Terbuka tersebut; dan
 - (c) Kontrak Pasaran ditamatkan.
- (5) Setiap Peserta Penjelasan mesti menyediakan apa-apa maklumat kepada Pusat Penjelasan dalam apa-apa masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan berkaitan dengan pendaftaran Kontrak Pasaran.
- (6) Setiap Kontrak Terbuka mempunyai kesan dan sah serta boleh dikuatkuasakan mengikut syaratnya sebagaimana yang ditentukan di bawah Kaedah-kaedah ini.
- (7) Peserta Penjelasan tidak boleh membuat apa-apa tuntutan atau prosiding untuk menjadikan tidak sah atau menjadikan terbatal atau yang mempunyai kesan, sebahagian atau sebaliknya, untuk menidaksahkan atau mengelakkan apa-apa Kontrak Terbuka, atau obligasinya berkaitan dengan Kontrak Terbuka tersebut, yang Peserta Penjelasan ialah satu pihak.
- (8) Syarat setiap Kontrak Terbuka adalah tertakluk kepada Kaedah-kaedah ini.

6.04 Pihak kepada Kontrak Terbuka

- (1) Tanpa mengira sama ada Kontrak Terbuka direkodkan dalam Akaun Tak Terasing atau Akaun Terasing Peserta Penjelasan, Kontrak Terbuka tersebut adalah antara Pusat Penjelasan dengan Peserta Penjelasan sebagai prinsipal.
- (2) Peserta Penjelasan boleh melaksanakan haknya dan bertanggung untuk melaksanakan obligasinya di bawah dan berkaitan dengan Kontrak Terbuka tersebut pada setiap masa sebagai prinsipal tertakluk kepada Kaedah-kaedah ini.
- (3) Pusat Penjelasan tidak mengiktiraf apa-apa kepentingan di sisi undang-undang, saksama, kontingen, pada masa hadapan atau separa, dalam apa-apa Kontrak Terbuka kecuali kepentingan Peserta Penjelasan yang merupakan pihak kepada Kontrak Terbuka itu.

6.05 Akaun

- (1) Pusat Penjelasan akan menyenggarakan butiran yang berhubungan dengan setiap Kontrak Terbuka dalam Akaun Terasing atau Akaun Tak Terasing Peserta Penjelasan, pihak kepada Kontrak Terbuka tersebut seperti yang diberikan oleh Peserta Penjelasan.
- (2) Peserta Penjelasan mesti membuka Sub-akaun berasingan mengikut cara yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.
- (3) Pusat Penjelasan akan mengira Bon Prestasi berhubung dengan Kontrak Terbuka yang direkodkan dalam Akaun Tak Terasing Peserta Penjelasan dan setiap Sub-akaun Akaun Terasing Peserta Penjelasan mengikut Kaedah 6.14.

6.06 Arahan penentuan

- (1) Jika Pusat Penjelasan telah mencapai persetujuan dengan Bursa, arahan penentuan boleh disediakan kepada Pusat Penjelasan oleh Bursa bagi pihak Peserta Penjelasan.
- (2) Arahan penentuan yang disediakan kepada Pusat Penjelasan mengikut Kaedah 6.06(1) mesti menyatakan:

- (a) sama ada Kontrak Terbuka yang wujud daripada pendaftaran Kontrak Pasaran akan direkodkan dalam Akaun Terasing atau Akaun Tak Terasing Peserta Penjelasan;
 - (b) jika arahan diberikan kepada Pusat Penjelasan menurut Kaedah 6.06(2)(a) bahawa Kontrak Terbuka akan direkodkan dalam Akaun Terasing Peserta Penjelasan, arahan penentuan mesti termasuk identiti Sub-akaun yang akan merekodkan Kontrak Terbuka tersebut.
- (3) Jika arahan penentuan tersalah atau tidak diberikan kepada Pusat Penjelasan pada Hari Berurus Niaga yang sama Kontrak Pasaran yang berkaitan dikemukakan kepada Pusat Penjelasan bagi pendaftaran, Kontrak Terbuka yang wujud daripada pendaftaran itu akan direkodkan dalam Akaun Tak Terasing Peserta Penjelasan.
- (4) Jika Peserta Penjelasan membuat kesilapan dalam apa-apa arahan penentuan, ia boleh meminta Pusat Penjelasan untuk meminda Rekod yang disimpan oleh Pusat Penjelasan bagi Akaun Tak Terasing, Akaun Terasing atau Sub-akaun Peserta Penjelasan.
- (5) Penerimaan permintaan untuk meminda adalah mengikut budi bicara Pusat Penjelasan.

6.07 Peruntukan dan Pemindahan

Pusat Penjelasan boleh, atas permintaan Peserta Penjelasan, menguntukkan atau memindahkan Kontrak Terbuka antara akaun Peserta Penjelasan yang sama atau antara para Peserta Penjelasan mengikut cara atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.

6.08 Kedudukan Terbuka

Setiap Kontrak Terbuka mempunyai kesan dan akan terus mengikat Pusat Penjelasan dan Peserta Penjelasan yang merupakan pihak kepada Kontrak Terbuka tersebut sehingga:

- (a) ia dilikuidasikan melalui ofset mengikut Kaedah 6.09;
- (b) ia dilikuidasikan sebagai hasil penyelesaian bagi pasaran mengikut Kaedah 6.13;
- (c) mengikut Kaedah 6.11, hak dan obligasi di bawah Kontrak Terbuka itu telah dinovasikan dan dalam hal tersebut, Kontrak Terbuka itu akan mengikat Pusat Penjelasan dan Peserta Penjelasan yang kepada mereka hak dan obligasi tersebut dinovasikan;
- (d) ia dikendalikan mengikut Kaedah 2.09(1)(f);
- (e) dalam hal Kontrak Terbuka Opsyen -
 - (i) ia telah tamat tempoh, iaitu, hak Pembeli bagi Opsyen tersebut telah luput;
 - (ii) ia telah Dilaksana atau Diserah hak; atau
 - (iii) penghantarserahan dan pembayaran atau penyelesaian tunai telah dilaksanakan mengikut Kaedah-kaedah ini;
- (f) dalam hal Kontrak Terbuka yang merupakan Kontrak Niaga Hadapan, penyelesaian tunai atau penghantarserahan telah dilaksanakan mengikut Kaedah-kaedah ini.

6.09 Pelikuidasian melalui ofset

- (1) Peserta Penjelasan yang merupakan Pembeli kepada Kontrak Terbuka dan Penjual kepada Kontrak Terbuka lain yang mempunyai syarat yang sama dalam semua aspek tetapi tidak semestinya harga dan tarikh kontrak, dan kedua-dua Kontrak Terbuka direkodkan dalam sub-akaun yang sama dalam Akaun Tak Terasing atau dalam Akaun Klien yang sama bagi Peserta Penjelasan itu, boleh memohon supaya Pusat Penjelasan membuat pelikuidasian melalui ofset hak dan obligasi di bawah kedua-dua Kontrak Terbuka itu.
- (2) Selepas dua Kontrak Terbuka diofset menurut Kaedah 6.09(1), apa-apa perbezaan penyelesaian, seperti yang dikira oleh Pusat Penjelasan, serta-merta menjadi perlu dibayar oleh Peserta Penjelasan atau Pusat Penjelasan, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (3) Permintaan bagi pelikuidasian melalui ofset mengikut Kaedah 6.09 ini mesti dikemukakan kepada Pusat Penjelasan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.

6.10 Penarikbalikan pelikuidasian

- (1) Pusat Penjelasan boleh membatalkan pelikuidasian dua Kontrak Terbuka yang dibuat menurut Kaedah 6.09 supaya dua Kontrak Terbuka baharu antara Pusat Penjelasan dengan Peserta Penjelasan diwujudkan atas permintaan Peserta Penjelasan.
- (2) Dua Kontrak Terbuka baharu itu yang diwujudkan di bawah Kaedah 6.10(1) akan mempunyai syarat yang sama dengan dua Kontrak Terbuka asal yang sebelum ini dilikuidasikan dan apa-apa perbezaan penyelesaian mesti dibayar balik.
- (3) Permohonan oleh Peserta Penjelasan untuk membatalkan pelikuidasian dua Kontrak Terbuka itu mesti dikemukakan kepada Pusat Penjelasan mengikut cara yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.

6.11 Novasi Kontrak Terbuka

- (1) Hak dan obligasi Peserta Penjelasan (“pemindah”) di bawah Kontrak Terbuka boleh dinovasikan sepenuhnya kepada Peserta Penjelasan lain (“penerima pindahan”) jika:
 - (a) Pusat Penjelasan telah dimaklumkan tentang tawaran dan penerimaan pindahan milik Kontrak Terbuka antara dua Peserta Penjelasan itu menurut Kaedah 6.07; atau
 - (b) pemindah menjadi subsidiari milik penuh penerima pindahan; atau
 - (c) pemindah memberikan notis tentang niatnya untuk membatalkan Penyertaannya atau Penyertaannya digantung atau ditamatkan atau ia tidak lagi menjadi Gabungan bagi suatu Bursa disebabkan penamatan penyertaannya oleh Bursa tersebut atau penyertaannya dalam Bursa tersebut digantung; atau
 - (d) terdapat sebab lain bagi novasi yang dicadangkan yang bukan tidak selaras dengan Kaedah-kaedah ini, Kaedah-kaedah Bursa atau Akta yang berkaitan.
- (2) Apa-apa permintaan bagi novasi Kontrak Terbuka mesti dibuat mengikut cara dan berdasarkan syarat yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (3) Pusat Penjelasan boleh, mengikut budi bicara mutlak, tanpa memberikan apa-apa sebab, menolak untuk membuat novasi bagi semua hak dan obligasi Kontrak Terbuka atau membuat novasi itu, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat termasuk pembayaran Margin yang mungkin ditentukan oleh Pusat Penjelasan mengikut budi bicara mutlak. Apa-apa keputusan mesti diberitahu dengan segera kepada pemindah dan penerima pindahan.

6.12 Harga penyelesaian harian

- (1) Pusat Penjelasan akan menentukan Harga Penyelesaian Harian bagi setiap Kontrak Terbuka mengikut prosedur yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (2) Prosedur ini akan membenarkan pertimbangan diberikan kepada apa-apa bidaan, tawaran dan harga dagangan yang disebut harga oleh Bursa dan apa-apa maklumat lain yang dianggap berkaitan oleh Pusat Penjelasan.

6.13 Perubahan penyelesaian

- (1) Pusat Penjelasan akan mengira perubahan nilai bagi setiap Kontrak Terbuka Peserta Penjelasan berdasarkan Harga Penyelesaian Harian pada masa yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan untuk menetapkan perubahan penyelesaian.
- (2) Perubahan penyelesaian dan apa-apa pelarasan yang dibuat pada perubahan penyelesaian (jika berkenaan) seperti yang dikira oleh Pusat Penjelasan mesti dibayar secara tunai oleh Peserta Penjelasan yang berkaitan.

6.14 Bon Prestasi

- (1) Pusat Penjelasan akan menentukan Bon Prestasi yang dikehendaki bagi tujuan menguruskan risiko terduga menggunakan algoritma berasaskan risiko atau apa-apa kaedah lain yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (2) Bon Prestasi Peserta Penjelasan akan dipegang sebagai sekuriti terhadap:
 - (a) kegagalan pematuhan obligasi berkontrak Peserta Penjelasan di bawah Kedudukan Terbuka; atau
 - (b) penyempurnaan Penghantarserahan atau penerimaan Penghantarserahan mengikut Kaedah 8.02(c),

dan akan terpakai mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan selepas apa-apa keingkaran obligasi tersebut oleh Peserta Penjelasan.

- (3) Pusat Penjelasan akan menentukan Bon Prestasi yang diperlukan daripada setiap Peserta Penjelasan dengan mengambil kira Kedudukan Terbuka Peserta Penjelasan.
- (4) Peserta Penjelasan mesti menyerahkan simpan Bon Prestasi dengan Pusat Penjelasan mengikut arahan Pusat Penjelasan.
- (5) Bon Prestasi boleh dalam bentuk tunai atau Kolateral Diluluskan atau kedua-duanya.

6.15 Bayaran kepada Pusat Penjelasan

- (1) Pada setiap Hari Berurus Niaga, Pusat Penjelasan akan menyediakan kepada setiap Peserta Penjelasan penyata yang memaklumkan Peserta Penjelasan tentang dana (jika ada) yang mesti dibayar kepada Pusat Penjelasan dan menunjukkan Bon Prestasi yang mesti diserahkan simpan dengan Pusat Penjelasan.
- (2) Peserta Penjelasan mesti membuat pembayaran kepada Pusat Penjelasan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.
- (3) Pusat Penjelasan berhak menolak apa-apa amaun yang perlu dibayar oleh Peserta Penjelasan kepada Pusat Penjelasan terhadap apa-apa amaun yang perlu dibayar oleh Pusat Penjelasan kepada Peserta Penjelasan.

6.16 Permintaan untuk dana tambahan

- (1) Pusat Penjelasan boleh meminta pembayaran dana tambahan daripada satu atau lebih Peserta Penjelasan sebagai sekuriti tambahan terhadap kegagalan pematuhan obligasi oleh Peserta Penjelasan itu di bawah Kontrak Terbuka selepas mengambil kira perubahan pada harga pasaran, ketaktentuan harga, aktiviti perdagangan dan apa-apa perkara lain yang pada pendapat Pusat Penjelasan mungkin menjejaskan risiko yang Pusat Penjelasan terdedah kepada.
- (2) Peserta Penjelasan yang berkenaan mesti membayar dana tambahan yang diminta dalam tempoh satu jam atau dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.

6.17 Kolateral Diluluskan

- (1) Kolateral Diluluskan ialah harta yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan sebagai Kolateral Diluluskan bagi apa-apa tujuan di bawah Kaedah-kaedah ini.
- (2) Kolateral Diluluskan hanya boleh didepositkan atau disandarkan dengan atau diserahkan kepada Pusat Penjelasan mengikut apa-apa cara dan berdasarkan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (3) Pusat Penjelasan akan menilai Kolateral Diluluskan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (4) Pusat Penjelasan boleh melabur, mengurus dan menggerakkan Kolateral Diluluskan itu mengikut apa-apa cara yang disifatkan patut atau suai manfaat oleh Pusat Penjelasan.
- (5) Apa-apa manfaat, faedah atau keuntungan yang diterima atau terakru pada apa-apa Kolateral Diluluskan:
 - (a) adalah milik Peserta Penjelasan yang menandatangani atau menyandarkan atau menyerahkan hak Kolateral Diluluskan itu kepada Pusat Penjelasan; dan
 - (b) akan diserahkan kepada Peserta Penjelasan itu pada apa-apa masa dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (6) Penerimaan Kolateral Diluluskan oleh Pusat Penjelasan adalah mengikut budi bicara Pusat Penjelasan selepas mempertimbangkan perkara yang dianggapnya berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pendedahannya atau pendedahan yang mungkin kepada pihak ketiga.
- (7) Peserta Penjelasan boleh menarik semula Kolateral Diluluskan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (8) Pusat Penjelasan boleh mengenakan fi berhubung dengan penyerahan simpan Kolateral Diluluskan.
- (9) Kaedah 6.17 ini mempunyai kesan walaupun terdapat apa-apa perkara lain yang terkandung dalam Kaedah-kaedah ini.

6.18 Faedah ke atas baki tunai

Pusat Penjelasan boleh membayar faedah kepada setiap Peserta Penjelasan bagi semua baki tunai yang dipegang oleh Pusat Penjelasan untuk Peserta Penjelasan itu termasuk Deposit Sekuriti, Caruman Dana Penjelasan dan Deposit Peserta Penjelasan Langsung mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.

6.19 Rekod Pusat Penjelasan

- (1) Pusat Penjelasan akan menyenggarakan Rekod berhubung dengan Kontrak Terbuka yang diwujudkan, dilikuidasikan, diselesaikan atau selainnya dikendalikan mengikut Kaedah-kaedah ini.
- (2) Rekod yang disimpan oleh Pusat Penjelasan di bawah Kaedah 6.19 ini merupakan keterangan *prima facie* bagi perkara yang terkandung dalam Rekod itu.
- (3) Pusat Penjelasan berhak untuk percaya pada, tanpa menyiasat, semua maklumat yang diberikan kepadanya oleh atau bagi pihak Peserta Penjelasan dalam menghasilkan dan meminda Rekod tersebut.

6.20 Makluman, penyata atau laporan penjelasan

- (1) Pusat Penjelasan akan menyediakan makluman, penyata atau laporan sedemikian kepada setiap Peserta Penjelasan berhubung dengan Kontrak Terbuka Peserta Penjelasan yang menunjukkan, antara lainnya, yang berikut:
 - (a) Kedudukan Terbuka Peserta Penjelasan;
 - (b) Kolateral Diluluskan yang diserahkan simpan oleh Peserta Penjelasan;
 - (c) Margin Peserta Penjelasan;
 - (d) tunai yang didepositkan oleh Peserta Penjelasan dengan Pusat Penjelasan; dan
 - (e) amaun tunai yang dikreditkan dan didebitkan ke dalam Akaun Terasing dan Akaun Tak Terasing Peserta Penjelasan.
- (2) Apa-apa makluman, penyata atau laporan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan kepada Peserta Penjelasan adalah, tanpa kesilapan yang nyata, (dalam apa-apa kejadian selepas 1 Hari Berurus Niaga selepas ketersediaan laporan, makluman atau penyata itu) muktamad berkenaan hal perkaranya.
- (3) Kegagalan Peserta Penjelasan untuk memberitahu Pusat Penjelasan tentang apa-apa kesilapan atau peninggalan berhubung dengan apa-apa makluman, penyata atau laporan dengan segera (atau dalam tempoh 1 Hari Perniagaan selepas ketersediaan makluman, penyata atau laporan itu) merupakan penepian yang memihak kepada Pusat Penjelasan oleh Peserta Penjelasan itu bagi apa-apa hak, tuntutan, ganti rugi atau kerugian terhadap apa-apa hak yang memerlukan pembetulan, melainkan diperuntukkan sebaliknya.

6.21 Had Kedudukan dan Pelaksanaan

- (1) Pusat Penjelasan boleh menentukan had Kedudukan Terbuka yang boleh dipegang atau dikawal oleh mana-mana Klien atau Peserta Penjelasan dalam mana-mana Derivatif ("had kedudukan") atau bilangan Opsyen yang boleh dilaksanakan oleh mana-mana Klien atau Peserta Penjelasan ("had pelaksanaan").
- (2) Peserta Penjelasan mesti memastikan bahawa had kedudukan dan had pelaksanaan, yang terpakai kepada mana-mana Klien atau Peserta Penjelasan dipatuhi pada setiap masa.
- (3) Pusat Penjelasan boleh, dalam keadaan yang dianggap sesuai olehnya, memberikan apa-apa pengecualian, pengubahsuaian atau perubahan berhubung dengan had kedudukan atau had pelaksanaan tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.
- (4) Pusat Penjelasan boleh menetapkan tahap pelaporan bagi Kedudukan Terbuka yang dipegang, oleh mana-mana Klien atau Peserta Penjelasan dan boleh meminta laporan harian (atau

laporan berkala lain) daripada Peserta Penjelasan tentang jumlah Kedudukan Terbuka yang dipegang oleh mana-mana Klien atau Peserta Penjelasan. Pusat Penjelasan boleh meminta laporan walaupun jumlah Kedudukan Terbuka yang dipegang adalah di bawah tahap pelaporan yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.

- (5) Peserta Penjelasan mesti segera melaporkan kepada Pusat Penjelasan tentang apa-apa kejadian apabila Peserta Penjelasan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa ia telah melebihi atau Klien atau Peserta Penjelasan lain, yang bertindak bersendirian atau bersama-sama orang lain, telah melebihi atau cuba melebihi apa-apa had yang dirujuk dalam Kaedah 6.21(1) di atas.
- (6) Bagi mengelakkan keraguan, Peserta Penjelasan mesti menjelaskan dan menyelesaikan semua Kontrak Terbuka termasuk Kontrak Terbuka yang menyebabkan Klien atau Peserta Penjelasan melanggar had kedudukan atau had pelaksanaan yang dirujuk dalam Kaedah 6.21 ini.
- (7) Bagi tujuan menentukan sama ada seseorang itu 'mengawal' orang lain, perkara yang berikut terpakai:
 - (a) seseorang dianggap mengawal orang lain:
 - (i) jika orang pertama, atau mana-mana syarikat orang pertama itu yang berkaitan, secara langsung atau tidak langsung dengan apa jua cara sekalipun, memegang atau memiliki secara benefisial 15% atau lebih daripada modal diterbitkan atau modal berbayar atau kuasa mengundi orang yang satu lagi atau orang ketiga yang mempunyai kawalan (dari segi takrif ini) ke atas orang yang satu lagi; atau
 - (ii) jika rakan kongsi atau pengarah bagi orang pertama atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan orang pertama, juga merupakan rakan kongsi atau pengarah bagi orang yang satu lagi; atau
 - (iii) jika oleh sebab apa-apa jenis kontrak, perjanjian atau perkiraan, sama ada boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang atau tidak, orang pertama mengawal dengan berkesan pengurusan, atau 15% atau lebih daripada kuasa mengundi orang yang satu lagi, atau berhak mencalonkan atau melantik satu atau lebih pengarah bagi orang yang satu lagi.
 - (b) Tanpa mengambil kira Kaedah 6.21(7) di atas, bagi tujuan menentukan kawalan Kedudukan Terbuka di bawah Kaedah 6.21, seseorang tidak akan dianggap mempunyai kawalan ke atas Kedudukan Terbuka orang yang satu lagi jika kedua-dua orang:
 - (i) tidak mengetahui keputusan perdagangan antara satu sama lain;
 - (ii) berdagang menurut strategi perdagangan yang dibangunkan secara berasingan dan tersendiri;
 - (iii) mempunyai dan menguatkuasakan prosedur bertulis yang menghalang setiap orang daripada mendapat tahu tentang, memperoleh akses kepada, atau menerima data berkenaan dengan dagangan orang yang satu lagi. Prosedur tersebut mesti termasuk penyaluran dokumen dan prosedur atau perkiraan keselamatan lain yang akan mengekalkan kebebasan aktiviti mereka; dan
 - (iv) tidak berkongsi kakitangan yang mengawal keputusan perdagangan masing-masing.

[Rujuk Arahan No. 6-001]

6.22 Perkiraan Penjelasan dengan Peserta Perdagangan

Bagi menjelaskan Kontrak Pasaran yang diikat oleh Peserta Perdagangan (“Kontrak tersebut”), Peserta Perdagangan mesti:

- (a) memaklumkan Pusat Penjelasan tentang perkiraan penjelasan yang berkaitan yang dibuat oleh Peserta Penjelasan dengan Peserta Perdagangan, dan jika Pusat Penjelasan membuat permintaan, mengemukakan butiran tentang Peserta Perdagangan atau dokumen lain berkaitan perkiraan penjelasan tersebut sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa;
- (b) mengesahkan dengan Pusat Penjelasan bahawa ia mempunyai langkah kawalan dalaman dan sistem pengurusan risiko yang mencukupi, termasuk pemeriksaan kawalan kredit prapelaksanaan untuk menguruskan pendedahan risiko Peserta Penjelasan kepada Kontrak itu; dan
- (c) mengikat persetujuan bertulis bersama Peserta Perdagangan yang menyatakan terma dan syarat yang mengawal hubungan mereka, dan mesti termasuk peruntukan pengurusan risiko seperti hak untuk mengenakan had perdagangan ke atas Peserta Perdagangan sama ada bagi Kontrak Pasaran yang dilaksanakan bagi Peserta Perdagangan sendiri atau jika berkenaan, bagi klien Peserta Perdagangan.

6.23 Pemberhentian perkiraan Penjelasan

Jika Peserta Penjelasan ingin menghentikan penjelasan Kontrak Pasaran bagi Peserta Perdagangan, Peserta Penjelasan mesti:

- (a) menyediakan notis bertulis terlebih dahulu kepada Pusat Penjelasan (tempoh notis sebagaimana yang akan ditentukan oleh Pusat Penjelasan) tentang niat Peserta Penjelasan untuk menghentikan penjelasan Kontrak Pasaran Peserta Perdagangan itu dan tarikh pemberhentian yang dicadangkan; dan
- (b) mematuhi apa-apa arahan munasabah Pusat Penjelasan berhubung dengan pemberhentian penjelasan Kontrak Pasaran Peserta Perdagangan yang teratur.

6.24 Obligasi Peserta Penjelasan sekiranya berlaku pemberhentian

Tanpa mengambil kira pemberhentian perkiraan penjelasan, Peserta Penjelasan mesti menjelaskan dan menyelesaikan semua Kontrak Pasaran Peserta Perdagangan yang dibuat setakat Peserta Perdagangan tidak lagi dapat mengikat Kontrak Pasaran untuk dijelaskan oleh Peserta Penjelasan.

6.25 Pelepasan atas permintaan Klien

- (1) Peserta Penjelasan boleh melepaskan Kontrak Terbuka (“Peserta Penjelasan yang melepaskan”) dan Peserta Penjelasan lain yang mengambil pelepasan Kontrak Terbuka (“Peserta Penjelasan yang mengambil”). Perkiraan pelepasan itu hanya akan berkuat kuasa selepas pematuhan penuh oleh Peserta Penjelasan yang melepaskan dan Peserta Penjelasan yang mengambil terhadap Kaedah ini dan prosedur sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.
- (2) Pusat Penjelasan boleh tanpa memberikan apa-apa sebab:
 - (a) menolak perkiraan pelepasan yang diikat oleh Peserta Penjelasan; atau
 - (b) membenarkan perkiraan pelepasan itu, tertakluk kepada pematuhan syarat.

- (3) Peserta Penjelasan yang mengambil mesti mematuhi syarat yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan, untuk membolehkan penguatkuasaan perkiraan pelepasan.
- (4) Berhubung dengan semua perkiraan pelepasan yang diikat dan telah berkuat kuasa menurut Kaedah 6.25 ini, Peserta Penjelasan yang melepaskan mesti, berhubung dengan Kontrak Terbuka yang dirujuk dalam Kaedah 6.25(1):
 - (a) menjelaskan dan menyelesaikan Kontrak Terbuka dan mematuhi semua peruntukan dalam Kaedah-kaedah berhubung dengan Kontrak Terbuka itu; dan
 - (b) mematuhi semua peruntukan dalam Bahagian C Bab 4 berkenaan Klien yang dirujuk dalam Kaedah 6.25 ini.
- (5) Jika perkiraan pelepasan ditolak oleh Pusat Penjelasan, Peserta Penjelasan yang melepaskan mesti menjelaskan dan menyelesaikan Kontrak Terbuka yang telah ditolak untuk pelepasan dan mematuhi semua peruntukan dalam Kaedah-kaedah ini berhubung dengan Kontrak Terbuka itu.

[Bab Tamat]